

**Kedudukan Umno Dan BN Tidak Tergugat – Najib
Bernama
3 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak yakin bahawa kedudukan Umno dan Barisan Nasional (BN) tidak akan terganggu dengan perletakan jawatan Datuk Seri Lajim Ukin dan isu melibatkan beberapa komponen parti di Sabah.

Perdana Menteri berkata Umno dan BN mampu menangani cabaran dengan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memulihkan keadaan.

"Setakat ini macam-macam khabar angin, desas-desus yang tersebar. Yang penting kita mampu menangani cabaran ini dan kita akan buat langkah-langkah yang sesuai untuk pulihkan keadaan dan mantapkan lagi kedudukan Umno dan BN," katanya.

Najib, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN berkata demikian dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Dato Onn di sini hari ini. Turut hadir Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Mengenai perletakan jawatan Lajim selaku Ketua Umno Beaufort, Najib berkata berdasarkan perlembagaan parti, jawatan itu akan dipangku oleh timbalannya Isnin Aliasnih.

"Kita juga putuskan supaya Badan Perhubungan Umno Negeri Sabah mengawasi perjalanan Beaufort dan memberi apa-apa bantuan yang diperlukan untuk menentukan kekuatan Umno tidak terjejas," katanya.

Ditanya mengenai keanggotaan Lajim dalam Umno, Najib berkata ia akan melalui proses biasa di mana Umno masih menunggu jawapan surat tunjuk sebab daripada Lajim dalam masa dua minggu.

Pada 28 Julai lepas, Lajim mengumumkan perletakan jawatan sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, Ketua Umno Bahagian Beaufort dan Pengerusi BN Beaufort berkuatkuasa serta-merta.

Bagaimanapun, beliau masih kekal sebagai anggota Umno.

Lajim yang mengumumkan perletakan jawatannya di Likas Jaya, dekat Kota Kinabalu, dilaporkan menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk menentukan kedudukannya sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pada 31 Julai, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah memberi perkenan terhadap pembatalan pelantikan Lajim sebagai timbalan menteri itu.

Umno juga dilaporkan menghantar surat tunjuk sebab kepada Lajim berhubung perletakan jawatannya dalam parti dan BN untuk dijawab bagi pertimbangan untuk tindakan seterusnya sebagaimana tertakluk dalam perlembagaan Umno.

Ditanya sama ada isu itu akan melambatkan pilihan raya umum ke-13 (PRU-13), Najib berkata: "Ia tidak akan melambatkan rancangan untuk diadakan pilihan raya."

"Kita tidak tahu bila pilihan raya akan diadakan. Sama ada tahun depan atau tahun ini. Tidak boleh menganggap ia (diadakan) tahun ini, boleh jadi tahun depan. Tidak boleh menganggap tahun depan, boleh jadi tahun ini," katanya. Mengenai desas-desus bahawa Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menawarkan Lajim bertanding pada PRU-13 atas tiket pakatan pembangkang, Najib berkata: "Itu biasalah, itu kerja dia. Dia biasa buat janji macam-macam."

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata beliau akan ke Sabah untuk bertemu dengan rakyat dan pemimpin BN di negeri tersebut pada 11 Ogos ini.

Pada masa itu, beliau juga akan mengumumkan butiran mengenai Suruhanjaya Diraja Mengenai Pendetang Asing Tanpa Izin di Sabah.

Sementara itu, ditanya mengenai persepsi umum terhadap kerajaan berhubung penahanan Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat, Mohd Rafizi Ramli, yang mendedahkan penyata akaun projek National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC), Najib berkata beliau tidak boleh mengulas lanjut kerana ia sedang melalui proses mahkamah.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sekiranya seseorang itu mempunyai maklumat sulit mengenai sesuatu, mereka seharusnya mendedahkannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan bukannya kepada umum.

"..kerana jika anda dedahkan, anda menentang Bafia (Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan)...dan sebab kenapa Bafia wujud adalah bagi melindungi integriti dan kredibiliti sistem kewangan."

"..kerana sesiapa yang mempunyai akaun dalam sistem kewangan mesti merasai bahawa orang itu dilindungi dengan baik atau jika tidak orang ramai tidak akan menyimpan wang dalam sistem itu dan ini bertentangan dengan kepentingan umum.

"Tetapi ia tidak bermakna kita akan membenarkan amalan rasuah atau pengubahan wang haram kerana anda akan sentiasa mendedahkan maklumat berkenaan kepada pihak berkuasa yang berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685566>

